

AKHBAR : SINAR HARIAN

Al-Quran Karya Bestari terlaris

■ NOR AZHAN MO GHAZALI

SHAHALAM - Al-Quran Karya Bestari paling laris di booth Karangraif selama 11 hari Pesta Buku Selangor 2016 berlangsung di Shah Alam Convention Centre (SACC).

Perolong Pengurus Besar Jualan Grup Karangraif, Roziana Omar berkata, anggaran dalam 40 peratus daripada keseluruhan al-Quran berjaya dijual.

"Penganjur yang datang bersama ahli keluarga yang paling ramai beli al-Quran yang dijual bersama dengan terjemahan.

"Rata-ratanya membeli lebih dari satu set al-Quran," katanya.

Menurutnya, buku My Name is Hazmah yang dijual pada harga RM70 kedua terlaris.

"Buku yang baru diterbitkan ini begitu mendapat sambutan khususnya oleh golongan-

an dewasa yang terpelajar.
"Rata-rata yang datang ke sini bertanya-kari buku berkenaan dan terus membelinya," katanya.

Selain itu, katanya, buku pendidikan bertajuk Fulyoooo Serangnya Matematik turut menjadi tumpuan.

"Saya dapati buku itu untuk peringkat tahun 6 habis dijual hari ini (semalam).

"Manakala untuk taban 1 hingga 6, tingkatan 1 hingga 3, tingkatan 4 hingga 5 dan Matematik Tambahan bagi tingkatan enam masih terjual walaupun ia turut mendapat sambutan penganjur," katanya.

Pada masa yang sama, beliau berkata, sambutan hari terakhir pesta buku cukup meriah bermula semalam (Sabtu) dan hari ini (Ahad, semalam).

"Saya percaya sambutan meriah ini berikutan kedua-dua hari tersebut merupakan hari minggu dan memai ambil peluang pada hari terakhir ini," katanya.

Pesta Buku Selangor 2016 yang bermula pada 28 Juli lalu akhirnya menutup tirainya semalam, 7 Ogos pada jam 10 malam.



Roziana bersama naskah al-Quran dan buku yang paling laris di booth Karangraif.



Nurhazwah Hasni, 37, memegang buku resepi Ketuk-ketuk Sheila Rusly antara buku yang menjadi kegemarannya.

Dua beradik ini mengambil peluang hari terakhir mencari buku kegemarannya.



Penganjur ini sedang membelek al-Quran dan terjemahan yang merupakan naskah paling laris.



Staff berehat seketika sebelum melakukan kerja-kerja merjemah booth selepas Pesta Buku Selangor yang berlangsung di SACC, tamat semalam.



Penganjur masih berjinjau pada booth jualan walaupun pesta buku melabuhkan tirainya.



Staff bertugas tekun mengemas bahan bacaan pada hari terakhir pesta buku, semalam.